

NO SOALAN :27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL
GHAPUR BIN HAJI SALLEH
(KALABAKAN)**

PERTANYAAN : BERTULIS

**Y.B. DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN HAJI
SALLEH [KALABAKAN]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan
apakah benar bahawa Kerajaan Malaysia sedang menghadapi krisis
kewangan sepertimana yang digembar-gemburkan oleh pihak-pihak
tertentu termasuk pegawai-pegawai tinggi Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Prestasi ekonomi Malaysia terkini tidak menunjukkan negara
menghadapi krisis kewangan. Malah, ekonomi Malaysia mencatat
pertumbuhan ekonomi yang kukuh sebanyak 5.6% pada suku
pertama tahun 2017. Perkembangan ini disokong oleh pengukuhan

permintaan domestik yang berkembang sebanyak 7.7%, terutamanya disokong oleh perbelanjaan sektor swasta. Eksport benar meningkat dengan kukuh sebanyak 9.8%. Import benar juga meningkat lebih pantas pada kadar 12.9% hasil daripada peningkatan ketara dalam import barangan pengantara dan modal. Sementara itu, pelaburan langsung asing mencatat aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM17 bilion (S1 2016: RM15.6 bilion) terutamanya dalam sektor perkhidmatan, pembuatan dan perlombongan. Dari sudut penawaran, pertumbuhan keseluruhan bertambah baik disumbangkan terutamanya oleh pemulihan dalam sektor pertanian dan pertumbuhan sektor perkilangan dan perkhidmatan yang lebih tinggi.

2. Keadaan pasaran buruh kekal stabil dengan kadar pengangguran mencatat 3.5%, yang menggambarkan ekonomi masih beroperasi dalam keadaan gunatenaga penuh. Di samping itu, kadar inflasi juga dalam keadaan terkawal dan dijangka berkembang dalam lingkungan 3% hingga 4% bagi tahun 2017.

3. Selain pertumbuhan KDNK yang kukuh, rizab antarabangsa berada pada tahap yang tinggi iaitu USD99.1 bilion (RM425.4 bilion) pada 14 Julai 2017. Kedudukan rizab ini adalah mencukupi untuk menampung

7.9 bulan import tertanggung dan 1.1 kali hutang jangka pendek luar negeri. Pada bulan Mei 2017, eksport berkembang sebanyak 32.5% dan mencatat jumlah yang tertinggi iaitu RM79.4 bilion sejak 2010. Ini adalah hasil usaha Kerajaan dalam mempelbagaikan pasaran dan produk eksport.

4. Pasaran modal Malaysia, yang terdiri daripada pasaran bon dan pasaran ekuiti terus kekal berdaya tahan dan memainkan peranan penting dalam pembiayaan ekonomi domestik. Pasaran modal menunjukkan prestasi yang agak baik dalam keadaan persekitaran luaran yang tidak menentu. Saiz keseluruhan pasaran modal meningkat kepada RM3.09 trilion sehingga akhir Jun 2017. Indeks FBM KLCI mencatatkan paras tahunan tertinggi sebanyak 1,792.35 mata pada 14 Jun 2017. Sementara itu, pasaran saham telah meningkat kepada 1,763.7 mata sehingga akhir Jun 2017 berbanding dengan hanya 829.4 mata pada akhir Oktober 2008 semasa krisis kewangan global 2008/2009.

5. Sistem perbankan juga kekal kukuh di mana mudah tunai dalam sistem perbankan kekal mencukupi untuk menyokong aktiviti pengantaraan. Jumlah penempatan sistem perbankan, repo berbalik dan rizab berkanun dengan Bank Negara Malaysia yang boleh

dilupuskan untuk memenuhi keperluan mudah tunai, berjumlah RM166.8 bilion. Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (*Liquidity Coverage Ratio*, LCR) Basel III sistem perbankan berjumlah 139% pada akhir bulan Mei 2017, jauh melebihi keperluan pengawalseliaan minimum peralihan semasa sebanyak 80%. Tambahan pula, nilai ringgit semakin stabil dan meningkat sebanyak 4.8% (sehingga 25 Julai 2017) berbanding dolar Amerika Syarikat.

6. Dari segi kedudukan kewangan, Kerajaan sentiasa mengamalkan dasar fiskal yang mampan. Ini ditunjukkan oleh pengurangan defisit fiskal daripada 6.7% pada 2009 kepada 3.1% pada 2016. Nisbah hutang negara berbanding KDNK juga rendah yakni 50.2% pada suku tahun pertama 2017 berbanding 52.7% pada keseluruhan tahun 2016. Keadaan ini memberi ruang kepada kerajaan Malaysia untuk bertindak dengan melaksanakan dasar *counter-cyclical* sekiranya berlaku krisis ekonomi.

7. Bagi keseluruhan tahun 2017, pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang disokong oleh asas-asas ekonomi yang kukuh. Ini adalah hasil pembaharuan struktur ekonomi, kewangan dan fiskal yang dijalankan selama ini yang telah menyediakan penampakan yang mencukupi untuk menangani cabaran luar.

8. Tambahan pula, ekonomi global diramal berkembang pada kadar yang lebih cepat pada tahun 2017 dan 2018 iaitu 3.5% dan 3.6%. Perdagangan global juga dijangka berkembang lebih pesat sebanyak 4.0% pada tahun 2017 dan 3.9% pada tahun 2018. Persekitaran global yang bertambah baik ini dijangka memberi kesan limpahan positif kepada ekonomi Malaysia melalui saluran perdagangan, pelaburan dan pendapatan. Ekonomi domestik juga dijangka berkembang kukuh dipacu terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta. Sehubungan itu, bagi tahun 2017, ekonomi dijangka kekal kukuh mencatat pertumbuhan KDNK di antara 4.3 hingga 4.8%.